

JAN - JUN 2017 EDITION

# OUTREACH

LOCAL ORGANISATION WITH GLOBAL OUTREACH



Yayasan Sarawak



**'WISMA ADENAN'**  
PERINGATI JASA  
ALLAHYARHAM  
TOK NAN

ms.6

**YAYASAN SARAWAK**  
*Pemangkin Pembangunan Pendidikan*

**OUTREACH**  
JAN - JUN 2017 EDITION

## EDITORIAL

*Penasihat*

Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang  
Mersal bin Abang Rosli  
Ellen @ Manium anak Engang

*Ketua Editor*

Suryani binti Abdul Hamid

*Editor*

Abdullah bin Abdul Gafor  
Haji Kasubi bin Haji Bakir  
Muhamad Rahman bin Sallehin  
Siti Asfajarina binti Salleh  
Siti Noorlis binti Hassan  
Ahmad Jumadi bin Sabang  
Mathilda Joyce anak Maxwell @ Masuel

*Grafik & Susun Atur*

Ahmad Jumadi bin Sabang

*Jurufoto*

Ahmad Jumadi bin Sabang  
Andy Gray anak Simon

*Terbitan*

Seksyen Komunikasi Korporat  
Yayasan Sarawak, Wisma Adenan  
Jalan Sultan Tengah, Petra Jaya,  
93050 Kuching, Sarawak.

📞 082-441686

📠 082-440023

🌐 [www.yayasansarawak.org.my](http://www.yayasansarawak.org.my)

@ [ys@yayasansarawak.org.my](mailto:ys@yayasansarawak.org.my)

📞 +6017 700 17971 (ysCARE)

Sidang editorial majalah OUTREACH mengalu-alukan sumbangan rencana daripada pihak Bahagian / Seksyen / Zon 5S / Kelab Yayasan Sarawak dan warga kerja untuk tujuan penerbitan.

# KANDUNGAN

- Dari Meja Pengarah ..... 4

## PERISTIWA PENTING

- CM Abang Jo Pengerusi Yayasan Sarawak Ke-5 ..... 5
- 'Wisma Adenan' Peringati Jasa Allahyarham Tok Nan ..... 6

## PROGRAM BERSAMA YAB KETUA MENTERI

- Ketua Menteri Rai Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak ..... 7
- Yayasan Sarawak Bangga Kelola 3 Sidang Mesyuarat Lembaga Amanah Bersama Menteri-Menteri Kabinet ..... 8
- Ramah Tamah Aidil Fitri Yayasan Sarawak 2017 ..... 9
- An Evening With CM In London ..... 10
- 1500 Pelajar Bersama Ketua Menteri Hadiri Majlis Iftar ..... 10

## PROGRAM DAN BANTUAN PENDIDIKAN

- Taklimat Bantuan Pendidikan Bersama ADUN ..... 11
- Majlis Tandatangani MoA Antara Swinburne & ACCA ..... 11
- Yayasan Sarawak di Dada Akhbar ..... 12
- Kolaborasi Bersama BSN ..... 12
- Biasiswa Program Pertukaran Pelajar Sarawak/Sabah/Semenanjung ..... 13
- Program Komuniti Yayasan Sarawak ..... 13
- Program Penyampaian Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak ..... 14
- Dari Rakyat Untuk Rakyat ..... 15
- Graduan Cemerlang Terima Anugerah Yayasan Sarawak ..... 16
- Sesi Taklimat & Penyerahan Surat Perjanjian Latihan Teknikal ..... 16
- Lawatan Perjumpaan Pelajar Program Pertukaran ..... 17
- Sesi Pengarah Yayasan Sarawak Bersama Pelajar Tajaan Swinburne ..... 18
- Sesi Pengarah Bersama Pelatih CENTEXS ..... 18
- Peluang Dalam Bidang Spa Amat Cerah ..... 19
- Lawatan Perjumpaan Pelajar Tajaan Kemahiran ..... 20
- Lawatan Ke Pengerang, Pantau Kebajikan Pelatih ..... 20
- Yayasan Sarawak Turun Padang, Sertai Pameran ..... 21

## INFO KORPORAT

- Lantikan Baharu Jawatankuasa Pendidikan serta Jawatankuasa Perjawatan & Tender ..... 22
- Yayasan Sarawak Kutip 87% Bayaran Balik Tahun 2016 ..... 23
- Balanced Scorecard (BSC) Inovasi Perancangan Strategik Yayasan Sarawak ..... 24
- Audit Pensijilan 5S Oleh MPC ..... 25
- Kaji Selidik, Bantu Tingkatkan Kualiti Kepuasan Pelanggan Perkhidmatan ..... 26
- Perhimpunan Bulanan Platform Latihan Pengurusan Majlis ..... 27

## SUKAN & REKREASI

- Flag-Off Fun Ride Mobile Community Transformation Centre (CTC) ..... 28
- Anak Warga Kerja Terima Duit Raya Di Majlis Berbuka Puasa ..... 28
- Pertandingan Qari Dan Qariah Junior ..... 29
- Sambutan Hari Guru Dan Hari Ibu Taska Tadika Yayasanku Sayang ..... 29
- Terima Kasih! Abang Mat London ..... 30

## EDISI KHAS

- Jasamu Dikenang ..... 31-35
- Foto Galeri ..... 36-37
- Project Highlights ..... 38-39
- Anak Syarikat ..... 40
- Selamat Datang Pegawai Baharu Ke Yayasan Sarawak ..... 42
- Jasamu Dikenang & Selamat Bersara ..... 42
- Sekalung Penghargaan ..... 43

# Dari Meja Pengarah



Assalamualaikum w.b.t  
Salam sejahtera

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya kami dapat menerbitkan buletin Yayasan Sarawak bagi Edisi Januari-Jun 2017.

Bermula edisi kali ini kami menamakan buletin ini dengan nama OUTREACH. Nama OUTREACH dipilih kerana kami merasakan ia adalah manifestasi kepada peranan dan tanggung jawab kami di Yayasan Sarawak dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan kami dengan cara mendekati mereka melalui pelaksanaan program-program pembangunan pendidikan yang kami sediakan. Program-program yang dimaksudkan adalah seperti penajaan dan biasiswa, program latihan kemahiran dan teknikal, program bantuan dan program-program komuniti dan melibatkan segmen pelanggan yang pelbagai bermula daripada pelajar, ibu bapa, para pendidik, institusi pendidikan sehinggalah kepada komuniti ataupun masyarakat umum.

OUTREACH merupakan satu wadah untuk kami berkongsi maklumat dengan pelanggan-pelanggan kami tentang aktiviti-aktiviti yang telah kami laksanakan. Ia memperlihatkan kepada rakyat bahawa apa yang kami lakukan adalah aktiviti yang berorientasikan kepada pembangunan pendidikan untuk rakyat. Kami turun padang mendekati rakyat dan menghulurkan perkhidmatan terus kepada mereka. Kami bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam memastikan perkhidmatan yang kami sedia dan hulurkan benar-benar sampai kepada kumpulan sasaran kami.

Selain daripada mendekati rakyat secara fizikal menerusi program-program komuniti kami, kami juga berinteraksi dengan pelanggan-pelanggan kami secara maya (virtual) melalui media-media sosial seperti webpage, email, facebook, applikasi WhatsApp dan twitter kerana pelanggan-pelanggan kami bukan hanya berada di dalam negara sahaja malah berada hampir di serata

dunia. Mereka merupakan pelajar-pelajar tajaan kami yang belajar di luar negara. Oleh sebab itulah maka kami memilih tagline kami sebagai **“A local organisation with global outreach”**. Kami sedar bahawa kami di Yayasan Sarawak perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi semasa kerana itulah kehendak pelanggan kami. Malah OUTREACH ini juga boleh dilayari dan dibaca di laman web atau portal rasmi Yayasan Sarawak.

Inilah apa yang kami maksudkan dengan OUTREACH. OUTREACH bukan sekadar nama atau branding sahaja tetapi melalui branding inilah kami memastikan perkhidmatan kami kepada pelanggan akan lebih objektif, fokus dan realistik. Dengan panduan atau direction daripada Lembaga Amanah yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri serta sokongan daripada Kerajaan Negeri, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan pelbagai pihak, kami di Yayasan Sarawak beriltizam akan meneruskan komitmen dan dedikasi kami untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan-pelanggan kami.

Semoga bertemu lagi di edisi OUTREACH yang akan datang. Selamat membaca.

**HAJI AZMI BIN HAJI BUJANG**  
Pengarah Yayasan Sarawak




Ahli-Ahli Lembaga Amanah Yayasan Sarawak

## CM *Abang Jo* PENERUSI YAYASAN SARAWAK KE-5

31 Mac 2017 - Mesyuarat Khas Lembaga Amanah Yayasan Sarawak yang pertama bagi YAB Ketua Menteri Sarawak merangkap Pengerusi Yayasan Sarawak Ke-5 telah diadakan pada 31 Mac 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Alamanda, Pusat Pembangunan Pendidikan Yayasan Sarawak, Jalan Sultan Tengah, Kuching.

Turut hadir, YBhg. Datu Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki, Timbalan Pengerusi Yayasan Sarawak serta ahli-ahli Lembaga Amanah lain yang baharu dilantik berkuatkuasa 1 Januari 2017.



### Senarai Ahli Lembaga Amanah Yayasan Sarawak:

- |                    |   |  |
|--------------------|---|--|
| Pengerusi          | : | YAB Ketua Menteri Sarawak  |
| Timbalan           | : | YBhg Datu Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki   |
| Pengerusi          | : | Setiausaha Kewangan Negeri   |
| Ahli Lembaga       | : | Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Transformasi Penyampaian Perkhidmatan & Prestasi) |
|                    | : | Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia                                 |
|                    | : | Pengarah Pendidikan Sarawak  |
|                    | : | YBhg. Datuk Gramong Juna   |
|                    | : | YBhg. Datu William Lee Boon Tong   |
|                    | : | YBhg. Datu Peter Minos   |
| Setiausaha Lembaga | : | Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang   |

Mesyuarat diadakan sebagai platform perkenalan di antara satu sama lain selain membincangkan beberapa isu-isu yang berkaitan dengan peranan serta aktiviti Yayasan Sarawak. YBhg Pengarah merangkap Setiausaha Lembaga Amanah, telah membentangkan laporan operasi utama serta hala tuju Yayasan Sarawak sebagai pemangkin kepada pembangunan pendidikan untuk rakyat di negeri Sarawak.

## 'WISMA ADENAN' PERINGATI JASA ALLAHYARHAM TOK NAN



31 Mac 2017 - Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg hari ini mengisytiharkan Pusat Pembangunan Pendidikan Yayasan Sarawak dinamakan 'Wisma Adenan'.

Menurut YAB Ketua Menteri, pengisytiharan tersebut dibuat sempena mengenang jasa dan bakti mantan Pengerusi Yayasan Sarawak, Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Adenan bin Haji Satem kerana usaha beliau dalam meningkatkan tahap kualiti pendidikan di Sarawak.

"Dengan mengabadikan nama beliau pada pusat ini, ia akan memberi semangat kepada kita untuk meneruskan segala usaha Tok Nan memartabatkan sektor pendidikan di negeri Sarawak," katanya.

Yayasan Sarawak merupakan sebuah agensi kerajaan yang terpenting di negeri dalam usaha menyumbang ke arah pembangunan pendidikan. Yayasan Sarawak telah ditubuhkan di bawah Ordinans Yayasan Sarawak sebagai sebuah Badan Berkanun Kerajaan Negeri pada 27 Mei 1971.

Objektif penubuhannya adalah memberikan biasiswa dan pinjaman serta menyediakan bantuan kewangan dalam apa jua bentuk kepada sesiapa sahaja rakyat Sarawak khasnya dan rakyat Malaysia amnya untuk melanjutkan pendidikan di sekolah, maktab, universiti atau institusi pengajian tinggi di dalam atau di luar negeri, mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.



# KETUA MENTERI RAI PELAJAR CEMERLANG YAYASAN SARAWAK

KUCHING, 31 Mac 2017 - Penglibatan Yayasan Sarawak dalam menyumbang kepada kejayaan anak-anak Sarawak dalam bidang pendidikan amat signifikan dalam melahirkan generasi yang berdaya saing untuk meneruskan legasi kepimpinan agar menjadikan Sarawak sebuah negeri yang terus maju.

Seramai 260 orang pelajar telah diraikan dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak yang telah berlangsung di Dewan Jilidiah Yayasan Sarawak, Jalan Sultan Tengah, Petra Jaya Kuching.

Majlis yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun

Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak telah mengiktiraf 220 orang penerima daripada kategori SPM dan 40 orang penerima kategori STPM.

Penerima-penerima tersebut yang datang dari Daerah Kuching, Bau dan Padawan merupakan pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan awam bagi tahun 2016. Mereka merupakan sebahagian daripada 1,427 pelajar cemerlang pada tahun 2016 di Sarawak yang layak menerima sijil dan hadiah daripada Yayasan Sarawak.

Turut hadir, Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti, YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kerajaan Tempatan, YB Prof. Datuk Dr. Sim Kui Hian, Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Pendidikan Negeri, Puan Rakayah binti Haji Madon, Menteri-Menteri Muda, guru-guru dan para pelajar cemerlang.



## YAYASAN SARAWAK BANGGA MENGELOLA TIGA SIDANG MESYUARAT LEMBAGA AMANAH BERSAMA MENTERI-MENTERI KABINET

KUCHING, 12 Julai 2017 – YAB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak bersama beberapa Ahli Kabinet Negeri telah menghadiri sesi mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Sarawak, Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) dan Tabung Pendidikan Tinggi Sarawak (HiED) di Ibu Pejabat Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Jalan Sultan Tengah, Kuching.

Turut hadir bersama tiga Timbalan Ketua Menteri dan beberapa menteri yang merupakan sebahagian daripada ahli-ahli lembaga amanah tersebut. Yayasan Sarawak dengan rasa rendah diri, turut berbangga dan merasa terhormat untuk memberikan perkhidmatan bagi mengendalikan tiga sesi mesyuarat tersebut kepada tetamu-tetamu kehormat dan ahli lembaga yang hadir.



Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Sarawak



Ahli Lembaga Amanah Tabung Pendidikan Tinggi Sarawak (HiED)



Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Sarawak



Mesyuarat Lembaga Amanah Tabung Pendidikan Tinggi Sarawak (HiED)



Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR)



Mesyuarat Lembaga Amanah Tabung Pendidikan Tinggi Sarawak (HiED)



Ahli-Ahli Lembaga Amanah Yayasan Sarawak



Ahli-Ahli Lembaga Amanah Yayasan Sarawak





YAB Ketua Menteri memetik api untuk acara simbolik perasmian Raya Retro Yayasan Sarawak.



Isteri Ketua Menteri menghulurkan duit raya kepada anak-anak Taska Tadika.



Acara memotong Pulut Kuning daripada Ahli-Ahli Lembaga Amanah.



Kehadiran Isteri Ketua Menteri memeriahkan suasana majlis.

# RAMAH TAMAH AIDIL FITRI YAYASAN SARAWAK 2017



KUCHING, 12 Julai 2017 – Ramah Tamah Aidilfitri Yayasan Sarawak yang bertema 'Raya Retro' pada tahun ini disambut meriah dengan kehadiran YAB Ketua Menteri dan YABhg Datin Amar Dato Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang.

Dalam majlis itu, Ketua Menteri Datuk Amar Abang Zohari Tun Abang Haji Openg Abang Zohari bersama Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang telah menyempurnakan acara menyalakan api meriam buluh dan memotong pulut kuning sebagai simbolik perasmian sebelum menyampaikan sumbangan duit raya kepada

anak-anak Taska Tadika Yayasanku Sayang. Turut menerima sumbangan ialah 78 orang pelajar dari Yayasan Kemajuan Insan (YAKIN) Sarawak.

Hadir sama memeriahkan majlis ialah YB Datuk Amar Douglas Unggah Embas, YB Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Masing, YB Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, YB Datuk Sri Wong Soon Koh, YB Datuk Dr. Sim Kui Hian serta para tetamu jemputan kehormat. Selain warga kerja Yayasan Sarawak, majlis turut dihadiri juga oleh ketua-ketua jabatan, anak-anak syarikat dan juga jabatan serta agensi yang berhampiran.



Acara bermukim.



Pengarah dan Isteri.



Timbalan Pengarah dan sebahagian warga kerja.

# An Evening With CM In LONDON



YAB Ketua Menteri bersama pelajar-pelajar Sarawak di London

London W8 5JE adalah bersempena dengan lawatan kerja YAB Ketua Menteri di United Kingdom.

LONDON, 14 April 2017 - Lebih 100 pelajar Sarawak yang datang dari seluruh United Kingdom berpeluang untuk bersama dengan YAB Ketua Menteri Sarawak pada Program Lan Berambek anjuran Yayasan Sarawak dengan kolaborasi daripada Pejabat Ketua Menteri dan United Kingdom & Eire Council of Malaysian Students (UKEC). Program yang diadakan di Park City Grand Plaza, 18-30 Lexham Gardens, Kensington,

Program tersebut merupakan langkah terbaik untuk menghimpunkan anak Sarawak dalam mengeratkan silaturahim dalam kalangan mereka ketika di perantauan, katanya ketika mengadakan pertemuan dengan anak-anak Sarawak dan seterusnya mengumumkan peruntukan £10 ribu bagi tujuan penganjuran setiap tahun.

Dalam pertemuan tersebut, beliau juga berkongsi visi Sarawak pada masa hadapan untuk menjayakan ekonomi digital dan melengkapi Sarawak dengan kemudahan ICT. Beliau berharap para pelajar ini dan anak Sarawak yang lain pulang berkhidmat di negeri kelahiran mereka dengan membawa pelbagai kepakaran yang diperolehi.

## 1500 Pelajar Bersama Ketua Menteri HADIRI MAJLIS IFTAR



KUALA LUMPUR, 10 Jun 2017 - Majlis IFTAR bersama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak merupakan program tahunan Kerajaan Negeri Sarawak dengan anak-anak Sarawak yang belajar dan bekerja di Semenanjung Malaysia.

Program anjuran Yayasan Sarawak dengan kolaborasi Kerajaan Negeri Sarawak dan Persatuan Anak Sarawak Semenanjung (PASS) telah menarik jempunan sehingga mencapai 1500 orang.

Dalam ucapan YAB Ketua Menteri, beliau berkesempatan untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan di bawah pentadbiran beliau sebagai 'Kapten Abang Jo' di dalam Team Adenan untuk terus memperjuangkan dan menuntut hak-hak Sarawak.

Sebahagian 1500 warga Sarawak & pelajar yang berkesempatan bergambar kenangan bersama YAB Ketua Menteri di PWTC, Kuala Lumpur



Ahli-Ahli Backbenchers yang hadir pada sesi Taklimat Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak

Sesi soal jawab daripada Yang Berhormat

# TAKLIMAT BANTUAN PENDIDIKAN BERSAMA ADUN

KUCHING, 9 Mac 2017 - Buat pertama kalinya Yayasan Sarawak telah mengambil inisiatif untuk menjemput ahli Back-Benchers bagi memberi penerangan berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Yayasan Sarawak untuk rakyat.

Tujuan taklimat ini supaya ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyalurkan perkhidmatan kepada rakyat di kawasan masing-masing berkaitan dengan maklumat serta bantuan-bantuan pendidikan. Hal ini akan memudahkan Yayasan Sarawak untuk menambah baik sistem penyampaian melalui pusat khidmat masyarakat yang terdapat di kawasan-kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri serta mengadakan program kerjasama dengan ADUN di kawasan masing-masing.



## MAJLIS tandatangan MoA antara SWINBURNE & ACCA

KUCHING, 6 Jun 2017 - Pelajar yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (BA) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan (BAF) kini boleh mengambil ACCA Qualification semasa mengikuti pengajian di Swinburne University of Technology Kampus Sarawak.

Kerjasama ini dimeterai melalui majlis menandatangani memorandum perjanjian antara Swinburne University of Technology dengan The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), sebuah badan global untuk akauntan profesional.



# Allocation for School Uniform Assistance Programme goes up

THE BORNEO POST | 30 May 2017

By Lian Cheng  
reporters@theborneopost.com

**KUCHING:** The state government has increased its allocation for School Uniform Assistance Programme through Yayasan Sarawak as the implementing agency from RM1 million to RM2 million.

This means from this year onwards, instead of receiving RM100, about 20,000 students benefiting from the programme will be receiving RM200 each.

Yayasan Sarawak director Azmi Bujang said the purpose of the aid was to ensure that needy students could go to school looking smart and proper.

"The aid is for the parents to get school uniform, shoes and bags for the identified students. When they look good, they will feel more driven to go to school."

He thus urged parents to spend the money on the designated purpose so that students entitled to the aid would be keen to go to school.

On the implementation of the programme, Azmi said the agency has been experimenting different ways to find out the most effective method to distribute the aid and to ensure the aid reached the needy students.

"Since 2000, we had tried different ways including centralised tender, direct awarding and disperse through NGOs and other means. And all the different ways we tried out



Azmi Bujang showing the school uniform voucher.

gave us problems such as unfit sizes and poor quality.

"So this year, the agency has decided to use the voucher method where the RM200-vouchers will be given to identified students through Resident's and district offices under the supervision of the state assemblymen of the various areas.

"It is thus a collaborative effort between Resident's and district

offices, Bank Simpanan Nasional, the State Development Office, the Education Department as well as the state assemblymen of the areas.

"The elected assemblymen of the areas may choose to hold a proper function to give away the vouchers or they may decide to just do it quietly. Whichever way, Yayasan Sarawak officers will be there to give

Since 2000, we had tried different ways including centralised tender, direct awarding and disperse through NGOs and other means. And all the different ways we tried out gave us problems such as unfit sizes and poor quality.

Azmi Bujang, Yayasan Sarawak director

support," Azmi told The Borneo Post yesterday.

Azmi said Yayasan Sarawak has made all arrangements including issuing and distributing the vouchers as well as parking the allocation with Bank Simpanan Nasional.

"It is now up to the different Resident's and district offices as well as the elected representatives of the areas to decide when, where and how to hand over the vouchers to the students," said Azmi.

He said the vouchers could be used in any part of Sarawak in outlets identified by Yayasan Sarawak which included some huge franchise establishments and chain stores such as Giant, Boulevard and Mydin as well as other smaller private businesses in the more rural areas.

"The vouchers can be used in more than 70 business outlets throughout the state," said Azmi.



2 Mac 2017 - Mesyuarat kerjasama Yayasan Sarawak dan Bank Simpanan Nasional (BSN) telah bersetuju untuk melaksanakan kaedah tuntutan bayaran bagi Baucer Pakaian Seragam Sekolah.

Baucer tersebut akan digunapakai oleh pelajar bagi membeli keperluan serta asas persekolahan di kedai-kedai yang terlibat. Pihak kedai akan membuat tuntutan bayaran melalui BSN.



## BIASISWA PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR SARAWAK/SABAH/SEMENANJUNG

Biasiswa Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak yang dilaksanakan pada 43 tahun yang lepas telah berjaya melahirkan modal insan seramai 3,952 pelajar termasuk dalam kalangan ahli profesional dan pemimpin negara. Program ini melibatkan pelajar seawal Tingkatan 1 untuk melanjutkan sesi persekolahan ke Sekolah Berasrama Penuh/Prestij di Semenanjung Malaysia dan Sabah sehingga ke Tingkatan 6.

Tujuan utama program ini adalah untuk memupuk semangat integrasi dalam kalangan rakyat Malaysia selain memberi peluang kepada pelajar Sarawak menikmati sistem serta suasana pembelajaran yang sangat maju terutamanya di semenanjung pada ketika itu.



Majlis Penyerahan Pelajar Program Pertukaran 2017 antara pegawai Yayasan Sarawak dan Sabah di Menara Tun Mustafa, Kota Kinabalu



### PROGRAM KOMUNITI YAYASAN SARAWAK

9 February 2017 - A survey was conducted to identify the interest of students at SMK Sematan in their tertiary education. Based on the survey, 63% of the students prefer to take technical and vocational programs, 17% in arts, followed by 13% in science and 7% in social science.

Therefore, this is in line with the state government's objective to be an industrialised state by 2030 in stepping up its human capital development by giving priority to Technical Vocational Education and Training (TVET) for the youths in Sarawak.

In addition, Yayasan Sarawak will continue to do more surveys in other areas in Sarawak to get information on the interest of students in Sarawak.



Motivation session with students

# PROGRAM PENYAMPAIAN BANTUAN PENDIDIKAN *Yayasan Sarawak*

Majlis Penyampaian Program Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak telah dilancarkan pada tahun ini dan akan diadakan di seluruh negeri Sarawak. Majlis tersebut merupakan anjuran bersama Yayasan Sarawak dengan Pejabat Residen, Pejabat Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah serta Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Undangan Negeri.

Antara bantuan yang disampaikan adalah Bantuan Pakaian Seragam Sekolah, Bantuan Bahan Bacaan, Penyampaian Biasiswa Tempatan serta Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak. Kerjasama ini adalah bagi memudahkan Yayasan Sarawak menyalurkan bantuan kepada pelajar termasuk kawasan-kawasan luar bandar. Dengan ini, Yayasan Sarawak ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis tersebut secara langsung atau tidak langsung.



Kota Samaharan  
23/05/2017



Lubok Antu  
23/05/2017



Serian  
8/07/2017



Debak  
12/07/2017



Samariang  
13/07/2017



Opar, Sematan  
13/07/2017



Tebedu, Serian  
18/07/2017



Betong  
15/07/2017



Jemoreng, Mukah  
25/07/2017



Telian, Mukah  
19/07/2017



Balingian, Mukah  
20/07/2017



Kakus, Bintulu  
25/07/2017

# DARI RAKYAT UNTUK RAKYAT

Susulan daripada program-program penyerahan Bantuan Pakaian Seragam Sekolah kepada pelajar-pelajar yang layak, rata-rata mereka berasa sangat terharu dan berterima kasih di atas bantuan yang dihulurkan. Tidak ketinggalan, para guru juga turut gembira kerana pelajar-pelajar mereka telah menerima bantuan tersebut dan berharap akan diteruskan pada masa akan datang.

Bagi pelajar yang menerima bantuan ini, ianya ternyata dapat meringankan beban ibu bapa mereka selain dapat memotivasikan diri untuk berusaha lebih gigih dalam akademik supaya menjadi pelajar yang cemerlang dan seterusnya dapat membantu dan memberi sumbangan balik kepada generasi seterusnya.

Buat tatapan pembaca, testimoni daripada pelajar dan guru boleh ditonton melalui YouTube di Sarawak Foundation TV Channel.



*"Apa yang saya dapat pada hari ini adalah dapat membeli barangan untuk keperluan sekolah. Justeru ini dapat meringankan beban kedua ibu bapa kami. Terima kasih Yayasan Sarawak yang telah memberi kami peluang ini."*

**Zulhakimi Mahfun,  
SMK Kuching High**

*"Oni de dapod ku daang onu itih ioleh mili barang sekolah. Oku ngin ribuk terima kasih de Yayasan Sarawak sobab mau tolong koih ringan sok boban sindo sama ku. Trima kasih Yayasan Sarawak."*



**Rocky anak Rukud,  
SMK Petra Jaya**



*"Pada pendapat saya, Yayasan Sarawak menyediakan satu bantuan yang amat baik. Selain itu juga, saya rasa bantuan ini perlu diteruskan pada setiap masa. Saya berasa amat beruntung kerana mendapat bantuan dari Yayasan Sarawak dan ingin mengucapkan terima kasih kerana telah membantu golongan yang memerlukan seperti saya."*

**Easter Joan anak Jeffry,  
SMK Tebedu.**

*"很开心和感谢 YAYASAN SARAWAK 因为可以让好多学生有机会买新校服。这也可以减轻学生上学的负担和帮助处于困境的父母和家人。今天有五位学生接受来自YAYASAN SARWAK 的协助。我很开心他们给予的帮助, 让更多的学子能够得到需要的帮忙。谢谢 Yayasan Sarawak!!!"*



**西连地区的小学校长**



*"Aku rasa gembira dengan bersyukur untuk menerima bantuan daripada Yayasan Sarawak. Aku ngucap terima kasih ngagai Yayasan Sarawak laban udah nulung ngelempung ke beban apai indai aku."*

**Pelajar SMK Serian**

*"Terima kasih ke atas baucer ini oleh Yayasan Sarawak. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat kerana menyampaikan sumbangan daripada Yayasan Sarawak."*



**Penerima bantuan bersama  
bapa di Opar, Lundu**

## GRADUAN CEMERLANG TERIMA ANUGERAH YAYASAN SARAWAK



*Muhammad Faridzullah bin Maharip (kiri) dan Lee Guan Liang (kanan) graduan daripada Curtin University Malaysia menerima Anugerah Galakan Bumiputera dan Anugerah Graduan Cemerlang Yayasan Sarawak.*

Graduan yang cemerlang seharusnya mendapat pengiktirafan dalam menggalakkan mereka untuk terus berdaya saing dalam bidang masing-masing. Bersama dengan badan-badan korporat yang lain, Yayasan Sarawak juga turut memberikan sumbangan penajaan bagi 2 kategori anugerah iaitu Anugerah Graduan Cemerlang dan Anugerah Galakan Bumiputera.

Graduan yang cemerlang ini merupakan mahasiswa/i daripada Intitusi Pengajian Tinggi di Sarawak iaitu UITM Sarawak, Swinburne University of Technology Sarawak Campus dan Curtin University Malaysia. Permohonan adalah melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar di universiti masing-masing dan majlis penganugerahan akan diadakan semasa majlis konvokesyen atau pada majlis yang berasingan.

## SESI TAKLIMAT & PENYERAHAN SURAT PERJANJIAN LATIHAN TEKNIKAL

18 April 2017 - Satu sesi perjumpaan bersama pelatih adalah menjadi amalan Yayasan Sarawak untuk memastikan mereka memahami prosedur-prosedur yang telah ditetapkan sebagai penerima Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal Yayasan Sarawak. Sering dijelaskan bahawa para pelatih yang mendapat tajaan Yayasan Sarawak mestilah bertanggungjawab dan memberi komitmen sepenuhnya untuk membayar balik pinjaman supaya peruntukan tersebut dapat digunakan untuk pelatih-pelatih baharu dalam memperkasakan bidang teknikal untuk pembangunan perindustrian di negeri Sarawak.



*Penolong Pengarah Seksyen Pembiayaan Pendidikan, Yantiska Mahmud memberi taklimat dan penerangan kepada pelatih baru*



## LAWATAN

# Perjumpaan Pelajar Program Pertukaran

12 Mei 2017 - Rombongan Yayasan Sarawak yang diketuai oleh Encik Muhamad Rahman bin Sallehin, Ketua Pegawai Pejabat Kuala Lumpur telah mengadakan lawatan mesra ke atas pelajar tajaan Biasiswa Program Pertukaran Pelajar di sekolah-sekolah zon utara dan selatan Semenanjung Malaysia yang bertujuan untuk memantau prestasi serta kebajikan pelajar. Pelbagai input telah diterima dengan melihat prestasi akademik serta pelbagai kejayaan yang akan mendorong mereka menjadi golongan pemikir, professional serta bakal menjadi pemimpin.



Muhammad Khalid Rahimi

Bagi pelajar Muhammad Khalid Rahimi bin Zulkefli, 16 tahun, yang kini di Tingkatan 4 di SM Sains Tuanku Munawir, Negeri Sembilan, beliau menzahirkan sepenuh rasa penghargaan kepada Yayasan Sarawak kerana memberi peluang untuk menuntut ilmu di sekolah tersebut selain membantu meringankan beban menanggung pembelajaran memandangkan yuran di SBP boleh melangkaui seribu ringgit bagi setahun pengajian.

Perkara tersebut juga dikongsi oleh 4 orang pelajar Tingkatan 5 di sekolah MRSM Taiping, Perak iaitu Nur Farzana binti Atthan, Muhammad Syafiq Syahir bin Jamli, Abang Azfar Ihsan bin Abang Zainorin dan Mohd. Shubbli bin Suhaidi. Kesemua pelajar yang berasal daripada Kuching mengucapkan rasa terima kasih kepada Yayasan Sarawak yang telah menaja pembelian iPad selari dengan keperluan ke arah pembelajaran secara maya yang telah dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Suara yang sama turut dilontarkan oleh para pelajar tajaan di MRSM Tun Ghafar Baba, Melaka iaitu Mohamad Ikhwan bin Sautti dan Mohd Noor Hasriq bin Hamdan, masing-masing berada di Tingkatan 4 dan 5. Menurut mereka, melalui tajaan tersebut, Yayasan Sarawak telah merealisasikan impian mereka untuk berada di sekolah yang berprestij. Pihak sekolah juga berhasrat untuk turut serta dalam program pendigitalan pembelajaran dan berharap dengan adanya sumbangan iPad tersebut akan menjadi platform untuk lebih cemerlang dalam pembelajaran mereka.

Bagi sekolah-sekolah ulung dan ternama seperti Kolej Tunku Kursiah dan Kolej Melayu Kuala Kangsar, masing-masing sembilan orang pelajar dan seorang pelajar, keputusan akademik sahaja tidak memadai bagi mengukur kejayaan mereka malahan pihak sekolah juga menggalakkan pelajar mereka agar aktif dalam penglibatan kokurikulum. Salah seorang pelajar Kolej Tunku Kursiah, An'nisa Ariqah Jobli telah membawa aspirasi Yayasan Sarawak dengan mengharumkan nama sekolah dan Yayasan Sarawak apabila pasukan beliau menjuarai pertandingan inovasi di Istanbul, Turki baru-baru ini.



An'nisa Ariqah Jobli





## SESI PENGARAH YAYASAN SARAWAK BERSAMA PELAJAR TAJAAN DI SWINBURNE

19 Mei 2017 - Yayasan Sarawak kini mengambil langkah proaktif untuk mengadakan sesi perjumpaan bersama pelajar tajaan untuk menerangkan kepada pelajar tujuan serta hala tuju organisasi yang secara tidak langsung memerlukan pembabitan para pelajar tersebut.

Pada sesi penerangan tersebut, Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang telah memberi penekanan supaya pelajar meneruskan kecemerlangan

dalam peperiksaan sejajar dengan hasrat kerajaan negeri untuk mencapai serta melahirkan modal insan yang berkualiti.

Selain itu, mereka juga diingatkan betapa pentingnya komitmen serta tanggungjawab untuk membayar balik pinjaman bagi memastikan peruntukan tersebut dapat disalurkan kepada generasi baharu yang memerlukan bantuan pendidikan daripada Yayasan Sarawak.

## SESI PENGARAH BERSAMA PELATIH DI CENTEXS

25 Mei 2017 - Bersempena dengan program Sesi Bersama Pelanggan, pendekatan pada kali adalah untuk bersama dengan pelatih-pelatih tajaan Yayasan Sarawak yang mengikuti kursus kemahiran di CENTEXS. YBhg Pengarah telah menekankan supaya semua pelatih untuk mengambil serius ketika menjalani latihan dan ujian supaya lulus dan memperolehi keputusan yang cemerlang.

Adalah menjadi harapan Yayasan Sarawak supaya para pelatih dapat menjadi seorang yang berkemahiran tinggi dalam bidang masing-masing dan seterusnya dapat membantu meningkatkan tahap sosio ekonomi keluarga serta memberi khidmat bakti kepada komuniti setempat.



## RAFFLESIA ACADEMY

Dirasmikan oleh:  
Yang Berhormat, Puan Rosey Binti Yunus  
Menteri Muda Solidariti Sarawak



Foto kenangan Graduan Sijil dan Diploma daripada Rafflesia Academy bersama tetamu-tetamu kehormat.



Majlis Konvokesyen yang disempurnakan oleh YB Puan Rosey binti Yunus, Menteri Muda Solidariti Sarawak



## Peluang Dalam Bidang Spa Amat CERAH

8 Mei 2017 - 35 orang pelatih daripada Rafflesia Academy telah menerima Sijil SKM Tahap II dalam Aesthetic SPA dan Diploma Spa Therapy daripada Vocational Institute Charitable Trust, United Kingdom.

Bagi pelajar jurusan Diploma, mereka merupakan pelajar di bawah tajaan Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal Yayasan Sarawak.

Bantuan pendidikan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran serta memperkasakan wanita dalam kerjaya yang lebih cerah memandangkan bidang Spa amatlah diperlukan dalam pasaran.

Beberapa orang pelatih yang akan menamatkan pengajian telah pun ditawarkan pekerjaan dalam bidang tersebut di Kota Kinabalu, Kuching dan Kuala Lumpur.



## LAWATAN PERJUMPAAN PELAJAR KEMAHIRAN TEKNIKAL

2 Februari 2017 - Yayasan Sarawak sekali lagi turun padang untuk mengadakan sesi perjumpaan dengan para pelajar tajaan yang mengikuti kursus Spa Terapi di Rafflesia Wellness, Metro City Matang.

Pengurusan Yayasan Sarawak yang diketuai oleh Pengarah, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, turut memberikan kata-kata amanat kepada para pelajar yang akan menamatkan kursus untuk merebut peluang pekerjaan yang telah disediakan oleh institusi selain mengingatkan mereka tentang tanggungjawab serta komitmen mereka untuk membayar balik pinjaman.

YBhg Pengarah dan rombongan turut mengambil kesempatan membuat pantauan terhadap kemudahan pembelajaran yang disediakan oleh pusat berkenaan.



## LAWATAN KE PENGERANG, PANTAU KEBAJIKAN PELATIH

16 Mac 2017 - Lawatan yang diketuai Timbalan Pengarah (Khidmat Bantuan Pendidikan), adalah bertujuan untuk mendengar dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh para pelatih. Turut hadir pihak SC Scaffold yang memberi kerjasama serta sokongan dalam membantu Yayasan Sarawak untuk bersama-sama menjaga kebajikan para pelatih.



Para pelatih bergambar kenangan bersama Encik Ellen @ Manium anak Engang, Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak (Khidmat Bantuan Pendidikan) dan wakil daripada SC Scaffold

# Yayasan Sarawak Turun Padang, SERTA PAMERAN

Yayasan Sarawak telah menerima beberapa jemputan untuk mengadakan pameran di seluruh Sarawak termasuk di Semenanjung Malaysia. Inisiatif ini merupakan salah satu komitmen untuk memudahkan khidmat penyampaian maklumat dapat disalurkan terus kepada rakyat. Para petugas telah diamanahkan untuk memberikan maklumat yang tepat dan terkini berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Yayasan Sarawak terutama sekali yang berkaitan dengan bantuan dan program pendidikan.

Dengan adanya kaunter penerangan ini, rakyat juga boleh mengemukakan pertanyaan mengenai peluang-peluang penajaan dalam bentuk pinjaman dan biasiswa supaya mereka mudah membuat perancangan dan persediaan awal semasa membuat permohonan di Yayasan Sarawak.



3-5/03/2017 - Pameran Sarawak Career and Training (SCaT) Fair 2017 di BCCK Kuching



25/02/2017 - Pameran Swinburne Application Day di Tanahmas Hotel, Sibu



18/03/2017 - Pameran Swinburne Open Day di Kampus Kuching



9/02/2017 - Pameran Program Komuniti YS di Chung Hua Association Hall, Sematan



30-31/03/2017 - Pameran Karnival MARA di The Hills, Kuching



30/04/2017 - Pameran Satok Fest di Tebingan Kuching




12-14/05/2017 @ Pameran Mobile GTC Boat di Tanjung Manis



20/05/017 - Pameran Jom Daftar Undi SPN di Pasar Borneo, Pasir Gudang, Johor



18/03/017 - Program Ekspo Selangkah ke UiTM di UiTM Mukah



Ahli-Ahli Jawatankuasa Pendidikan Yayasan Sarawak

## Lantikan Baharu

Jawatankuasa Pendidikan

Serta Jawatankuasa Perjawatan & Tender



Ahli-Ahli Jawatankuasa Perjawatan & Tender Yayasan Sarawak

Pada 29 Mac 2017, mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pendidikan yang baharu telah dipengerusikan oleh YBhg Datu Dr Sabariah Putit, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (Transformasi Prestasi dan Penyampaian Perkhidmatan) merangkap Ahli Lembaga Amanah Yayasan Sarawak.

Turut hadir atas perlantikan yang baharu adalah YBhg Datu Peter Minos, Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan wakil Pengarah Pendidikan Negeri. Jawatankuasa ini bertujuan untuk membuat polisi berkaitan bantuan-bantuan pendidikan yang terdapat di Yayasan Sarawak selain meluluskan permohonan untuk pengajian luar negara.

Sebelum itu, pada 2 Mac 2017, mesyuarat pertama bagi lantikan ahli baharu untuk Jawatankuasa Perjawatan dan Tender telah diadakan di Bilik Alamanda, Wisma Adenan dan dipengerusikan oleh YBhg Datu Haji Mohammad Abu Bakar bin Marzuki, Pengarah Unit Perancang Negeri merangkap Timbalan Pengerusi Yayasan Sarawak. Turut hadir adalah ahli baharu antaranya YBhg Datu William Lee Boon Tong, Setiausaha Kewangan Negeri, Peguam Besar Negeri dan Pengarah Unit Sumber Manusia Negeri serta wakil Yayasan Sarawak.

Jawatankuasa Perjawatan dan Tender lebih melibatkan polisi serta kelulusan yang berkaitan dengan pemilihan, lantikan, kenaikan pangkat, latihan dalam dan luar negara kakitangan serta mempertimbangkan tender bagi projek.

# YAYASAN SARAWAK KUTIP 87% BAYARAN BALIK TAHUN 2016

Seksyen Bayaran Balik Yayasan Sarawak telah ditubuhkan pada tahun 1976 bertujuan bagi mengutip bayaran balik pinjaman pelajaran Yayasan Sarawak. Dalam pada itu, Yayasan Sarawak sedang giat mengambil langkah untuk mempertingkatkan usaha dan keupayaan mengutip balik pinjaman pelajaran daripada para peminjam Yayasan Sarawak.

Antara inisiatif tersebut merangkumi langkah drastik dan proaktif ke atas penghutang tegar yang tidak membayar secara konsisten. Hal ini mendorong Yayasan Sarawak mengambil tindakan undang-undang iaitu penyenaian nama kepada pihak CTOS dan CCRIS sebagai "Penghutang Ingkar Tegar". Sekiranya gagal membayar setelah surat peringatan terakhir dikeluarkan, maka

Yayasan Sarawak akan berkongsi maklumat kepada pihak CTOS dan CCRIS.

Sehingga 31 Disember 2016, Yayasan Sarawak telah berjaya mengutip kutipan berjumlah RM 6.25 juta berbanding RM 4.93 juta untuk tempoh yang sama bagi tahun 2015. Lembaga Amanah Yayasan Sarawak telah meluluskan agar pengurusan Yayasan Sarawak mengambil tindakan undang-undang dan juga mendapatkan perintah mahkamah bagi membolehkan hartanah yang dicagarkan kepada Yayasan Sarawak dilelong untuk melangsaikan pinjaman bagi Penghutang Ingkar Tegar. Statistik menunjukkan rekod prestasi bayaran balik bagi tempoh 5 tahun, iaitu dari tahun 2012 sehingga 2016.



Encik Ismallia Bohari,  
Penolong Pengarah  
Seksyen Bayaran Balik



## 'Most Yayasan Sarawak borrowers responsible ones'

The Borneo Post, 16 November 2016

By Lian Cheng  
reporters@theborneopost.com

**KUCHING:** Yayasan Sarawak registered a loan repayment rate of 87 per cent last year. So far this year, the figure stood at 74 per cent.

The state education foundation expected to receive RM7.5 million from its loan recipients this year, and it had collected RM5.6 million as of yesterday.

Yayasan Sarawak director Azmi Bujang attributed the good performance to its diligent Repayment Unit staff, attractive incentive, and good sense of responsibility of the beneficiaries.

"We have a very diligent and delicate Repayment Unit. They have been trying their best to contact the loan recipients or their guarantors," he told The Borneo Post yesterday.

On the incentives, he explained those who scored First Class Honours would get a 75 per cent discount, while those with Second Class Honours only had to pay half of their loans.

"This is not only to encourage



Azmi Bujang

them to pay back but more importantly to encourage them to do well in their studies."

Azmi added that those who made regular payments enjoyed a 25 per cent discount.

"This is on top of the 75 per cent discounts for those with First Class Honours or 50 per cent for those with Second Class Honours," he said.

"For those who settle with a lump sum payment, we give another 25 per cent."

We have a very diligent and delicate Repayment Unit. They have been trying their best to contact the loan recipients or their guarantors.

Azmi Bujang, Yayasan Sarawak director

He opined these incentives had been effective in getting borrowers to repay their loans.

"Repayment has also been good mainly because most of the beneficiaries or their parents have a sense of responsibility. They are willing to pay back the loans that have been offered to them without interest."

However, despite the leniency and the enticing incentives, there remain a number of borrowers who kept their wallets tightly zipped—some for more than 20 years!

Their refusals to even acknowledge their study loans had forced the foundation to take legal actions: since the setting up of the foundation in 1971, there had been four such cases.

"These are very hardcore cases. Bringing them to court is our last resort. We would rather get them

to pay rather than to go through legal means."

However, Azmi was quick to point out that not all those who did not pay were irresponsible.

"There are cases where we just have to write-off the loans. It involved those where the beneficiaries passed away or were terminally ill or were disabled due to accidents or other reasons."

Meanwhile, Azmi said last year alone, Yayasan Sarawak spent RM18.4 million on scholarships and loans, benefitting 3,057 students who were pursuing Arts, Science and Technical courses at certificate, diploma, bachelor, master and PhD levels.

Since 1971, Yayasan Sarawak has spent RM611 million, benefitting almost 150,120 individuals from primary school to tertiary institutions in the state.



Seksyen Bayaran Balik




# BALANCED SCORECARD (BSC) INOVASI PERANCANGAN STRATEGIK YAYASAN SARAWAK

Berbagai inovasi telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap prestasi dan kualiti pengurusan dan pentadbiran agensi-agensi awam termasuk badan berkanun, antaranya ialah konsep pengurusan berasaskan pengukuran prestasi (KPI) melalui Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 1 tahun 2005.

Pelaksanaan pengukuran prestasi (KPI) diharap dapat membantu Yayasan Sarawak memperoleh maklumat yang tepat mengenai tahap prestasi perkhidmatan

utama yang disampaikan kepada pelanggan. Maklumat-maklumat ini juga dapat membantu ke arah pengurusan prestasi strategi yang lebih berkualiti dari pelbagai perspektif.

Kelebihan utama pendekatan BSC sebagai satu sistem pengukuran dan penilaian prestasi strategi adalah pada keupayaannya untuk membantu Yayasan Sarawak memberi fokus yang strategik kepada isu-isu utama bagi mencapai misi dan visi organisasi.







## AUDIT PENSIJILAN 5S OLEH MPC

17 Januari 2017 - Untuk tahun yang ke-10, Yayasan Sarawak berjaya mengekalkan momentum untuk pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (APB) 5S bagi tahun 2017 yang telah dijalankan oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Antara kawasan zon 5S yang telah diaudit pada hari tersebut adalah Zon Bunga Raya Putih (Aras 1), Zon Bunga Melati (Aras 2), Zon Bunga Heliconia (Aras 3), Zon Bunga Morning Glory (Taska dan Tadika Yayasanku Sayang) dan Zon Bunga Orkid (Kompleks Asrama Yayasan Sarawak)

Berdasarkan laporan audit yang telah dikeluarkan oleh pihak MPC, pelaksanaan Sistem Amalan Persekitaran Berkualiti 5S berada pada tahap yang baik dan beberapa penambahbaikan dari aspek amalan praktikal di kawasan kerja juga telah dijalankan.

Markah keseluruhan pengauditan yang diberikan adalah sebanyak 87.7%. Justeru, Yayasan Sarawak layak mendapat pensijilan semula Sistem Amalan Persekitaran Berkualiti 5S untuk setahun berkuatkuasa 17 Januari 2017 sehingga 17 Januari 2018.





Sesi Soal Jawab semasa Taklimat Bantuan Pendidikan bersama Back-Benchers



Pelatih CENTEXS mengisi kajian kepuasan pelanggan secara online



Kemaskini survei perkhidmatan daripada pelajar Swinburne

## KAJI SELIDIK, BANTU TINGKATKAN KUALITI KEPUASAN PELANGGAN PERKHIDMATAN

Beberapa siri program bersama pelanggan telah pun dilaksanakan oleh Yayasan Sarawak sebagai usaha untuk menilai tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan, khususnya yang berkaitan dengan skim-skim bantuan pendidikan Yayasan Sarawak.

Hasil daripada maklum balas yang diterima mendapati 85.3% pelanggan amat berpuas hati dengan tempoh maklum balas yang diberikan terhadap pertanyaan yang

berkaitan dengan program bantuan pendidikan menepati piagam pelanggan iaitu dalam tempoh dua (2) hari.

Manakala untuk penyaluran bayaran biasiswa pinjaman kepada pelajar menunjukkan bahawa 100% daripada responden yang terdiri penerima biasiswa pinjaman Yayasan Sarawak amat berpuashati dengan tempoh masa bayaran dilakukan iaitu dalam tempoh enam (6) hari yang menepati janji-janji piagam pelanggan.

# PERHIMPUNAN BULANAN PLATFORM LATIHAN PENGURUSAN MAJLIS

Sudah menjadi amalan di Yayasan Sarawak, setiap bulan diadakan Perhimpunan Bulanan untuk memberi pendedahan kepada warga kerja untuk mengelola serta mengendalikan majlis-majlis rasmi. Selain menerapkan elemen-elemen pengisian yang penting, warga kerja senantiasa diterapkan dengan acara-acara ke arah mendidik kepada nilai-nilai murni sebagai seorang penjawat awam.

Acara kemuncak adalah amanat Pengarah, di mana beliau akan menyampaikan isu-isu semasa serta polisi atau hasrat Kerajaan Negeri selain menekankan tanggungjawab terhadap penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berterusan kepada rakyat.



Sesi Senaman Ringan



Nyanyian Lagu Kebesaran & Korporat



Memimpin Bacaan Ikrar Bebas Rasuah



Menghayati Bacaan Ikrar Bebas Rasuah



Sesi Perkongsian Ilmu



Sesi-Suai Kenal



Laporan Aktiviti Bulanan di MP News



Amanat Bulanan Pengarah



Anugerah Pekerja Bulanan



Sambutan Perayaan



Penyampaian Hadiah Sukan



Sambutan Ulang Tahun Kelahiran & Perkahwinan Warga Kerja



## FLAG-OFF FUN RIDE MOBILE COMMUNITY TRANSFORMATION CENTRE (CTC)

22 April 2017 - Flag-Off Fun Ride Mobile Community Transformation Centre (CTC) yang disertai oleh 100 orang peserta telah dianjurkan oleh Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia Negeri Sarawak dengan kerjasama Yayasan Sarawak.

Acara tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah Yayasan Sarawak bersama-sama dengan wakil Kementerian Belia dan Sukan serta wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Acara telah bermula di perkarangan Wisma Adenan Yayasan Sarawak dan berakhir di Telaga Air.



## Anak Warga Kerja Terima Duit Raya Di Majlis Berbuka Puasa

Pada 16 Jun 2016, Jawatankuasa Surau Al-Hidayah Yayasan Sarawak telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa di Dewan Jamilah Yayasan Sarawak untuk warga kerja bersama-sama dengan ahli keluarga.

Antara acara yang diadakan adalah sumbangan duit raya daripada Jawatankuasa Surau Al-Hidayah kepada anak-anak warga kerja yang disampaikan oleh isteri Pengarah, Puan Hajah Normawati binti Haji Ismailly Yakub selain mengerjakan solat fardhu Maghrib, Isyak dan Tarawih secara berjemaah di Surau Yayasan Sarawak.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang bersama-sama dengan ahli keluarga beliau serta para tetamu jemputan.





## PERTANDINGAN QARI DAN QARIAH JUNIOR

@ Siti Noorlis binti Hassan



Pertandingan Qari dan Qariah Junior anjuran Surau Al Hidayah Yayasan Sarawak dengan kerjasama Taska Tadika Yayasanku Sayang telah diadakan pada 14 Jun 2017 (19 Ramadan 1438H) bertempat di Auditorium Yayasan Sarawak.

Majlis telah dirasmikan oleh isteri Pengarah, Puan Hajah Normawati bt Haji Ismailly Yakup, yang telah berbesar hati hadir bagi memeriahkan majlis bersama-sama dengan para ibu dan bapa kanak-kanak taska tadika serta warga kerja Yayasan Sarawak.

Skop pertandingan meliputi hafazan surah Al fatihah dan ayat-ayat lazim dalam kalangan kanak-kanak Tadika Yayasanku Sayang yang berusia empat hingga enam tahun. Tempat pertama dimenangi oleh Muhammad Nur Hakimi Mat Fazillah, Harith Azhar bin Husni Sabirin di tempat kedua dan Adelia Zulaikha bt Roswandi di tempat ketiga.

Pemenang membawa pulang hadiah seperti sijil penyertaan, Panduan Berwuduk dan Solat, buku cerita kisah Nabi dan buku aktiviti. Kesemua peserta juga mendapat hadiah galakan dan sijil penyertaan.



## Sambutan Hari Guru Dan Hari Ibu Taska Tadika Yayasanku Sayang

@ Siti Noorlis binti Hassan

Sambutan Hari Guru dan Hari Ibu anjuran Taska Tadika Yayasanku Sayang telah diadakan pada 16 Mei 2017. Majlis santai yang diadakan secara kecil-kecilan itu telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran ibu bapa yang menyertai aktiviti yang dijalankan. Acara kemuncak adalah kanak-kanak akan menjemput ibu bapa masing-masing untuk menari bersama-sama. Kanak-kanak juga membuat, membakar dan menghias biskut sebagai hadiah untuk ibu masing-masing. Ibu bapa juga menyumbang pelbagai hadiah, makanan serta minuman untuk memeriahkan majlis.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk merapatkan silaturahim antara ibu bapa dan warga kerja taska tadika. Selain itu, majlis ini diharapkan dapat memupuk sifat menghargai dalam diri kanak-kanak terhadap ibu serta guru-guru mereka.



# Terima Kasih!

## ABANG MAT LONDON

London - Setelah 29 tahun mencurahkan bakti di Yayasan Sarawak, akhirnya Encik Muhamad bin Haji Ahmad Zaidell mengambil keputusan untuk bersara pada usia 69 tahun pada 31 Mei 2017 yang lepas.

Mantan Pegawai Kebajikan Pelajar yang bertugas di *Sarawak Foundation House London* itu mempunyai personaliti yang sangat disenangi dan memahami keperluan tugas yang diamanahkan oleh pengurusan kepada beliau.

Dengan kesempatan ini, Yayasan Sarawak ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada beliau dan keluarga kerana telah memberi khidmat kebajikan kepada pelajar-pelajar Sarawak dan juga kepada rakyat Sarawak serta warga kerja yang berkunjung ke London atas urusan pendidikan ataupun tugas rasmi.

Semoga beliau dikurniakan kesihatan yang baik dan bahagia di samping keluarga tercinta.

Selamat Bersara dan Selamat Maju Jaya



Sarawak Foundation House London



HOME AWAY FROM HOME: Zaidell and Maureen during a photo session at Sarawak Foundation Home in Willesden. — Bernama photo The Borneo Post, 10 February 2012

## 'Home away from home' feel at Sarawak Foundation House in London

**LONDON:** Many Malaysians, especially those studying in the United Kingdom, will have fond memories of their stay at the Malaysia Hall here.

Likewise, the Sarawak Foundation House at Willesden offers an equally 'home away from home' comfort at affordable rates for Sarawakians visiting the British capital.

Since the Sarawak Foundation (Yayasan Sarawak) House acquired the double-storey detached bungalow at Brondesbury Park in 1991, many Sarawakians, including state dignitaries, have opted for the Sarawak Foundation House during their short stay here with their families.

Long-time London resident Mohamad Zaidell, 62, who is from Kuching, sees to the day-to-day administration of the property for the Sarawak Foundation House but said priority would be given to students and civil servants on official duties.

"There are roughly about 150-200 occupants a year, especially during the busy period between May-July during university convocations and September when new students arrived," he said when met by Bernama here recently.

Having worked with the Malaysian students department based at the Malaysian High Commission here from 1973 until 1988, he said, the accommodation at the house was a preferred choice, not only because it was fully equipped with kitchen facilities, especially for favourite Malaysian fare, but also because it was within walking distance for takeaways, including halal food.

Only about five kilometres from Central London, he said it could be reached via the subway from Willesden Green station, adding the rates were also very cheap at 15 pounds per person per night, which was comparable to a bed and breakfast.

With mostly foreign embassies being housed at Brondesbury Park, the neighbourhood here was safe, noted the grandfather of four, whose wife, Maureen, is a Londoner.

"I hardly ever lock the gates at night."

However, the premises had also been used to hold official receptions by visiting ministers from Sarawak, while Sarawak Foundation chairman Tan Sri Adenan Satem made it a point to stop-over during visits here, he said. — Bernama



Penyerahan tugas kepada Tuan Haji Kasubi bin Haji Bakir, Pegawai Kebajikan Pelajar yang baharu.



# JASAMU DIKENANG

1999 - 2017





“Jangan terlalu melindungi anak-anak kita. Janganlah menghalang mereka untuk melaksanakan tindakan kerana pada akhirnya mereka akan kerugian. Apa yang saya cuba katakan ialah jangan terlalu mengongkong mereka”.

“Ini kerana kita mahu generasi yang berpendidikan dan bijak supaya Sarawak tidak akan ketinggalan dalam arus pembangunan, dan kita mesti mula mendidik anak-anak kita ke arah ini melalui pendidikan awal kanak-kanak berkualiti”.







“Para belia hari ini lebih bermaklumat dan lebih bijak, yang merupakan kelebihan kepada mereka, tetapi untuk anak-anak muda untuk menjadi warga kelas pertama, mereka mesti lebih liberal dalam sikap mereka, berfikiran terbuka dan sanggup menyahut cabaran”





“UEC adalah untuk semua universiti, semua universiti-universiti utama kecuali universiti awam di Malaysia. Ia diiktiraf oleh Swinburne, ia diiktiraf oleh Curtin dan universiti swasta yang lain.

Jadi saya fikir kita mesti ikut trend dan menerima hakikat bahawasanya ia adalah sesuatu yang sangat unik di Sarawak. Saya tahu kaum Bumiputera yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Cina dan mereka dialu-alukan.

Saya tahu sesetengah sekolah di mana Lembaga Pengarah adalah Cina tetapi 80% daripada pelajarinya adalah Bumiputera. Saya percaya ini adalah amalan yang baik, kita semua perlu terus melakukannya “.



## *Jiwa Di Kelopak Jantung Negeri*

Angin tak pernah berbisik  
Sepi tiba-tiba berbisik  
Gamam bergumam sejenak  
Antara percaya atau tidak

Selepas zuhur, Januari sebelas  
Telah menuliskan sejarah negeri  
Pabila takdir mengakuri janji  
Kami kehilangan dia  
Pemimpin di hati rakyat

Bertahun-tahun dia bersuara  
Mengherdik penjarah tanah pusaka  
Menyelongkar sahik sejarah bangsa  
Merungkai kusut gumpal perpaduan ibunda

Hatta hanya sepenggal masa  
Gundah kami telah mengguyah  
dalam gelisahnyanya  
Tangis kami telah menitis dalam air matanya  
Semangat kami telah membuncah  
dalam cintanya.

Sungguh, jiwa Tok Nan  
di kelopak jantungnegeri Sarawak  
Perjuangannya mercu legasi generasi  
Untuk yakin mara berani melepasi  
Segala batas sempadan integrasi  
Demi jati integriti ibu pertiwi.

11.1.2017, IJN Kota Samarahan  
# Puisi nukilan Rosani Hiplee  
Persatuan Penulis Sarawak, 2017





23/01/2017 - Sesi Perjumpaan Pengarah Bersama Pelatih CENTEXS



15/02/2017 - Kunjungan Hormat Dewan Bahasa & Pustaka Sarawak




13/02/2017 - Audit Susulan daripada Jabatan Audit Negara



22/02/2017 - Program Outreach Team Excellence Criteria



27/02/2017 - Kunjungan hormat ke atas KSU Kementerian Pengajian Tinggi



28/02/2017 - Lawatan Jaringan Kerjasama bersama SPRM



07/03/2017 - Program Nang Rindok RTM bersama Pengarah



6-9/04/2017 - Program Financial Literacy



18-25/03/2017 - Program Perkampungan Pelajar Zon Sarawak



12/03/2017 - Blok pejabat Yayasan Sarawak (kiri) dan asrama pelajar (kanan) yang baharu di No. 2 Persiaran Ampang, WP Kuala Lumpur.



18-25/03/2017 - Program Perkampungan Pelajar Zon Semenanjung




20/03/2017 - Majlis Berambah Makan Ulam-Ulam Tradisional



29/05/2017 - Pelancaran Hari Sukan & Terpin Bowling di Adventure World Bowling Megalane

# PROJECT HIGHLIGHTS

## THE PROPOSED DEVELOPMENT OF CENTEXS LUNDU



**Location:** Lundu District, Kuching Division  
**Project Components:** Package 1 (Earthwork) - Site Clearing and Earthfilling Works  
**Start Date:** Package 2 (Building) - Administrative Building, Faculty Building, Workshop, Hostel, Sport Facility, and Etc  
**Completion Date:** 27 April 2016 (Package 1)  
 27 April 2017 (Package 2)



## THE PROPOSED DEVELOPMENT OF CENTEXS LAWAS

**Location:** Lawas District, Limbang Division  
**Project Components:** Package 1 (Earthwork) - Site Clearing and Earthfilling Works  
**Start Date:** Package 2 (Building) - Administrative Building, Faculty Building, Workshop, Hostel, Hall and Etc  
**Completion Date:** TBA (In Proposal Finalization Process)  
 TBA



## THE PROPOSED DEVELOPMENT OF LEADERSHIP INSTITUTE OF SARAWAK CIVIL SERVICE

**Location:** Kuching District, Kuching Division  
**Project Components:** Package 1 (Earthwork) - Site Clearing and Earthfilling Works  
**Start Date:** Package 2 (Building) - Administrative Building, Academic Building, Multi Purpose Hall, Auditorium, and Et  
**Completion Date:** TBA (In Proposal Finalization Process - Building)  
 Award of Earthwork Contractor  
 TBA

## UPGRADING OF EXISTING CENTEXS KUCHING, SANTUBONG



**Location:** Kuching District, Kuching Division  
**Project Components:** Construction of New Building (Multipurpose Hall, Lecture Theatre, Surau, Quarters, Grand Stand and etc) and Upgrading Works of Existing Facilities (Workshops and Hostel)  
**Start Date:** TBA (In Proposal Finalization Process)  
**Completion Date:** TBA

## UPGRADING OF EXISTING KOLEJ LAILA TAIB, MUKAH

**Location:** Mukah District, Mukah Division  
**Project Components:** Package 1 (Earthwork) - Site Clearing and Earthfilling Works  
**Start Date:** Package 2 (Building) - Administrative Building, Faculty Building, Multi Purpose Hall and Etc  
**Completion Date:** TBA (State Cost Committee Approval Stage)  
 TBA





Yayasan Sarawak

## PIAGAM PELANGGAN CLIENT CHARTER

Kami komited untuk menyampaikan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan responsif dalam tempoh masa seperti berikut:

*We are committed to deliver efficient, effective and responsive services to our clients as follows:*

PERKHIDMATAN SERVICES	TEMPOH PENYAMPAIAN DELIVERY PERIOD
Memberi maklum balas status permohonan biasiswa dan bantuan pendidikan. <i>Respond to applicants on the status of their applications for scholarship and education assistance.</i>	<b>DUA (2) HARI</b> TWO (2) DAYS
Membayar biasiswa dan bantuan pendidikan selepas penerimaan dokumen yang lengkap. <i>Make payment for scholarship and education assistance upon receiving complete document required.</i>	<b>ENAM (6) HARI</b> SIX (6) DAYS
Membayar kepada pembekal selepas penerimaan dokumen yang lengkap. <i>Make payment to suppliers upon receiving complete document required.</i>	<b>EMPAT BELAS (14) HARI</b> FORTEEN (14) DAYS
Menangani aduan berkaitan perkhidmatan. <i>Address complaints on our services.</i>	<b>DUA (2) HARI</b> TWO (2) DAYS

**PENGARAH YAYASAN SARAWAK**  
**DIRECTOR SARAWAK FOUNDATION**

23 Februari 2017

Sekiranya terdapat pertanyaan berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan di atas, sila emel atau whatsapp kepada:  
*Should there be any queries related to the above services, please email or whatsapp to:*

[pengarah@yayasansarawak.org.my](mailto:pengarah@yayasansarawak.org.my) ysCare +6017 700 1971

## PETRONESA SDN BHD

Petronesa Sdn Bhd was originally incorporated as Bormob Oil Sdn Bhd on 21 September 1987 with principal activity of supplying diesel and other petroleum products to major timber operators in Sarawak.

At present the company has an authorized capital of RM10.0 million and paid-up capital of RM80.0 million. The shareholders of the company are Yayasan Sarawak, a government body holding 60%, Kalamars Sdn Bhd, a local Bumiputra Investment company holding 30% shares in the company and 10% belongs to an individual.

Petronesa Sdn Bhd's main business activity is providing easy payment scheme for the purchase of consumer durables of State and Federal governments' employees and employees of government agencies since October 1992.

This is nation wide activity with marketing offices in Kota Kinabalu and Kuala Lumpur. However in 2016, Petronesa Sdn Bhd is moving towards Islamic financing by providing Murabahah credit sale.



PETRONESA SDN BHD

## CENTRE OF TECHNICAL EXCELLENCE (CENTEXS)

Centre of Technical Excellence (CENTEXS) formerly known as "Pusat Latihan Pembangunan Belia". PLPB has rebranding and undergone major transformation. This transformation was an initiative ushered by The Sarawak Government. Yayasan Sarawak has since been entrusted to spearhead the re-branding project. At Yayasan Sarawak we believe in taking the holistic eco-system approach in alleviating technical trades through skilling of the youth re- skilling and up-skilling current workforce.

### HISTORY HISTORY

This reflects Yayasan Sarawak support in meeting the technical manpower needs of Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) towards an industrialized state for Sarawak by 2030. The industries partners of CENTEXS meet the SCORE requirements and are regarded as the key impetus in providing the technical know-how via industry training. Moving forward CENTEXS aspires to be a "learning factory" in order to provide real solution to industry players.



Centre of  
Technical Excellence  
**SARAWAK**





## SANJUNG ETIKA SDN BHD

Sanjung Etika Sdn Bhd was established and incorporated on 31st March 1997. Being a wholly owned subsidiary of Yayasan Sarawak, Sanjung Etika Sdn Bhd has been incorporated as an investment arm to its parent body. In 2002, Sanjung Etika Sdn Bhd was appointed to manage timber operation for Yayasan Sarawak and now the company becomes a service provider particularly in property management, facilities management, programs and investment.



Sanjung Etika Sdn Bhd

### CORE SERVICES AND EXPERTISE

#### Building Technical Maintenance

- General Repair Work
- Scheduled Preventive Maintenance
- Corrective Maintenance



#### Cleaning Service

- Shampooing carpet, Floor polishing, External cleaning, Water jet drain area



#### Security Service & Auxiliary Police

#### Gardening and Landscaping



## THE HORNBILL SKYWAYS STORY

*Wings To Your Destination*

With its qualified and experienced personnel in various disciplines, Hornbill Skyways has since inception been moving from the twilight to the sunshine, from a narrative to a legend. Capable and diligent professionals provide practical and authoritative expertise, which ensure that the Company maintains premium standards.

Hornbill Skyways maintains its principal operational base at the Kuching International Airport, Sarawak, Malaysia. The Company also maintains a hangar in Miri to serve the northern region of Sarawak.



HORNBILL SKYWAYS

### OUR FLEETS



#### Challenger 605

Capacity **up to 12 passengers**  
Maximum Speed **470 kt (870km/h)**  
No of Unit **1**



#### KING AIR 350I

Capacity **up to 9 passengers**  
Maximum Speed **313 kt (580 km/h)**  
No of Unit **1**



#### SUPER KING AIR B200 GT

Capacity **up to 13 passengers**  
Maximum Speed **339 mph (545 km/h)**  
No of Unit **2**



#### EUROCOPTER EC 155

Capacity **up to 8 passengers**  
Maximum Speed **324 km/h (175 kts)**  
No of Unit **1**



#### EUROCOPTER EC 135

Capacity **up to 6 passengers**  
Maximum Speed **259 km/h (162 mph)**  
No of Unit **5**



#### BELL 206 L4

Capacity **up to 6 passengers**  
Maximum Speed **139 mph (224 km/h)**  
No of Unit **2**



#### BELL 206 B3

Capacity **up to 4 passengers**  
Maximum Speed **139 mph (224 km/h)**  
No of Unit **2**



*Selamat Datang Pegawai Baharu  
Ke Yayasan Sarawak*

**HAJI KASUBI BIN HAJI BAKIR**

Umur:  
59 Tahun

Jawatan:  
Pegawai Kebajikan  
Pelajar

Pejabat:  
Rumah Yayasan  
Sarawak, London

Pendidikan:  
MBA (UK), London  
Metropolitan  
(Guildhall)  
University, UK

Tarikh mula  
berkhidmat:  
1 Jun 2017

**JASAMU DIKENANG & SELAMAT BERSARA**



**ENCIK MUHAMAD BIN  
HAJI AHMAD ZAIDELL**

Umur:  
69 Tahun

Jawatan:  
Pegawai Kebajikan Pelajar

Pejabat:  
Rumah Yayasan Sarawak,  
London

Tempoh Perkhidmatan:  
1/06/1988 - 31/05/2017  
(29 tahun)



**TUAN HAJI  
ABDUL HAKIM BIN ISHAK**

Umur:  
60 Tahun

Jawatan:  
Ketua Cawangan

Pejabat:  
Yayasan Sarawak Cawangan  
Kuala Lumpur

Tempoh Perkhidmatan:  
25/05/1982 - 19/03/2017  
(35 tahun)



**HAJAH DARUL AFIAH  
BINTI IBRAHIM**

Umur:  
46 Tahun

Jawatan:  
Pen. Pegawai Tadbir N29

Seksyen:  
Program dan Bantuan

Pejabat:  
Ibu Pejabat Yayasan Sarawak,  
Kuching

Tempoh Perkhidmatan:  
1/02/2000 - 30/04/2017  
(17 tahun)

# *Sekalung Penghargaan*

Yayasan Sarawak ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua

Agensi Kerajaan Negeri  
Agensi Kerajan Persekutuan  
Badan-badan Bukan Kerajaan  
Persatuan-Persatuan Pelajar  
Pusat Khidmat Masyarakat

dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program serta aktiviti yang dianjurkan oleh Yayasan Sarawak

*Setulus Ikhlas daripada*





**Yayasan Sarawak**



**[www.yayasansarawak.org.my](http://www.yayasansarawak.org.my)**

**Kuching • Kuala Lumpur • London**